

Qalam

KDN 1275

Ramadhan 1385

Januari 1966

Bilangan 186

60 sen

Rang Undang-undang Hukum Islam Singapura

Rang Undang-undang Hukum Islam Singapura telah dikemukakan kepada Parlimen oleh Menteri Kebudayaan dan Hal Ehwal masyarakat Singapura pada bulan Disember 1965 iaitu suatu undang-undang yang akan mentadbirkan hal ehwal orang-orang Islam di Singapura.

Menurut Menteri Negara kepada Jabatan Perdana Menteri Singapura, Tuan Haji Ya'acob bin Mohamed di dalam ucapananya di Majlis Peraduan Membaca al-Qur'an yang diadakan dalam bulan Ramadhan ini menyatakan bahawa rang undang-undang tersebut akan dibawa ke dalam sebuah Jawatankuasa Pilihan untuk memberi peluang kepada orang-orang Islam umumnya menyatakan fikiran mereka bagi menambah mana-mana yang kurang, menguatkan mana-mana yang longgar dan membetulkan sekiranya ada apa-apa yang tersilap.

Rang undang-undang yang hampir serupa ini telah pun dikemukakan dahulu pada tahun 1960 tetapi kerana bantahan-bantahan umat Islam rang undang-undang itu ditarik balik untuk disemak semula dan semenjak dari masa itulah rang undang-undang itu tidak terdengar untuk dikemukakan sehingga pada penghujung tahun 1965 ini.

Sebelum rang undang-undang ini dikemukakan, badan-badan yang

terkemuka, dengan cara sulit, telah diminta fikirannya dan dengan demikian maka badan-badan Islam itu ada yang telah memberi fikiran di antaranya dari Persekutuan Seruan Islam Singapura yang telah melantik Jawatankuasa Khas untuk mengkaji rang undang-undang itu. Mereka telah bersidang tiap-tiap minggu lebih daripada enam bulan lamanya dan telah pun mengemukakan syor-syor dan pindaan-pindaan yang dikehendaki mereka bagi undang-undang tersebut dan telah dihantarkan kepada Majlis Penasihat Islam Kerajaan Singapura pada bulan Jun 1964.

Kita belum sempat menyemak rang undang-undang yang dikemukakan itu tetapi sepanjang yang diketahui bahawa rang undang-undang yang dikemukakan itu menggunakan bahasa Inggeris dan sepanjang yang kita ketahui, belum ada terjemahan rasmi ke dalam bahasa Melayu. Ini adalah mendukacitakan kerana orang-orang yang berkenaan dengan Rang Undang-undang Islam ini adalah masyarakat Islam yang umumnya menggunakan bahasa Melayu dan alim ulama yang boleh memberi fikiran kebanyakannya pula mahir dalam bahasa Melayu dan tidak mahir dalam bahasa Inggeris. Jadi adalah menyulitkan bagi orang yang akan memberi buah fikirannya kalau rang undang-undang yang mengenai mereka itu hanya menggunakan bahasa Inggeris dan tidak ada terjemahan di dalam bahasa Melayu.

Bagi umat Islam, untuk menghadapi rang undang-undang ini sudah pada tempatnya membulatkan muafakat antara mereka sesama mereka mengemukakan “**Tambahan-tambahan bagi mana-mana yang kurang, menguatkan mana-mana yang longgar dan membetulkan sekiranya ada apa-apa yang tersilap**” di dalam rang undang-undang yang tersebut. Caranya apabila telah diisyiharkan bahawa rang undang-undang itu dibawa ke dalam Jawatankuasa Pilihan (*Select Committee*) maka badan utama seperti Jamiyah hendaklah bersegera menjemput badan-badan Islam di Singapura dan orang-orang perseorangan yang boleh diminta fikiran untuk merundingkan